

Pas anggap rakyat mudah dibohongi

UM 27 NOV 1999

PASIR MAS 26 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Pas akan terus menyebarkan fitnah dari semasa ke semasa malah selama-selamanya kerana menganggap rakyat mudah dibohongi.

Malah menurut Perdana Menteri amalan memfitnah semakin menjadi-jadi menjelang pilihan raya ini agar mereka dapat memancing undi.

“Bagi Pas apa yang difitnahkan adalah bahan baik untuk tipu rakyat agar rakyat benci kepada kerajaan dan dalam masa yang sama Pas dapat meraih undi,” katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap di hadapan ribuan rakyat yang membanjiri padang Sekolah Kebangsaan Othman Talib (I) di Tendong dekat sini petang ini.

Pada majlis itu Perdana Menteri turut melancarkan Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Kelantan, meletakkan batu asas Pusat Ekonomi Islam Dan Jambatan Tendong-Wakaf Che Yeh.

Menurut Perdana Menteri, Pas menabur fitnah bertubi-tubi sejak kebelakangan ini dan yang terbaru ialah bagaimana beliau dituduh mengarahkan Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin menekan bekas Penolong Gabenor Negara, Datuk Abdul Murad Khalid.

“Saya difitnah telah menulis surat kepada Daim agar menekan Murad supaya dia (Murad) mendedahkan segala keburukan Datuk Seri Anwar Ibrahim,” kata beliau.

Menurut Dr. Mahathir, surat tersebut sememangnya hanya ciptaan Pas berdasarkan kepada kepala surat yang salah dan tanda tangan yang bukan miliknya.

Kesemuanya ini adalah siri-siri fitnah Pas yang begitu terdesak mahu meraih undi rakyat dalam menghadapi pilihan raya kali ini.

Sebelum ini, Dr. Mahathir pernah difitnah tidak bersolat Subuh, menulis surat kepada Perdana Menteri Israel Ehud Barak dan mempunyai anak-anak yang mengumpul kekayaan dengan memiliki puluhan syarikat.

Dalam pada itu beliau hairan Pas begitu cepat melenting dengan mendakwa BN menabur fitnah walaupun apa yang didakwa mengenai parti itu adalah kebenaran.

“Apa yang kita dakwa kita buktikan, tidak seperti Pas. Apa yang kita siarkan adalah yang benar dan gambar yang kita tunjukkan sebagai bukti juga benar,” katanya.

Dr. Mahathir merujuk kepada tindakan BN mengedarkan gambar-gambar atau visual kepada rakyat mengenai kejadian rusuhan dan bagaimana anggota polis dibelasah oleh para perusuh di Kuala Lumpur baru-baru ini yang melibatkan parti-parti pembangkang.